

Artikel

**Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Ciri-Ciri Keusahawanan dalam Kalangan
Pelajar Agribisnes untuk menceburi Bidang Usahawan Tani**
(Factors Influencing Entrepreneurial Traits Among Agribusiness Students in Venturing into
Agriprenneurship)

Siti Khairunnisa Ibrahim & Mimi Mohaffyza Mohamad*

Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia,
86400 Batu Pahat, Johor Malaysia

*Pengarang Koresponden mimi@uthm.edu.my

Diserah: 12 Februari 2025

Diterima: 26 Mei 2025

Abstrak: Keusahawanan tani merupakan salah satu strategi utama dalam meningkatkan daya saing sektor pertanian dan memastikan kelestarian sumber makanan negara. Namun, penurunan kadar penyertaan generasi muda dalam sektor ini menjadi cabaran utama kepada pembangunan agribisnes. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti faktor yang mempengaruhi kecenderungan pelajar agribisnes dalam menceburi bidang keusahawanan tani. Teori Tingkah Laku Terancang digunakan sebagai asas konseptual untuk meneliti tiga faktor utama yang mempengaruhi kecenderungan pelajar iaitu keluarga, rakan, dan sikap terhadap ciri-ciri keusahawanan seperti motivasi, keberanian mengambil risiko, serta kreativiti dan inovasi. Kajian kuantitatif ini melibatkan 92 pelajar Tahun 2, Tahun 3 dan Tahun 4 dalam program Bachelar Sains Perniagaantani di Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia (UPM). Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor keluarga, rakan, dan sikap memberi kesan yang signifikan terhadap kecenderungan keusahawanan dalam kalangan pelajar agribisnes. Ciri-ciri keusahawanan seperti motivasi, keberanian mengambil risiko, serta kreatif dan inovatif dalam kalangan pelajar agribisnes juga berada pada tahap tinggi. Kajian ini juga mendapati hubungan signifikan antara faktor-faktor tersebut dengan ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar agribisnes. Implikasi kajian mencadangkan pendekatan bersepadu bagi meningkatkan sokongan dan pendedahan pelajar agribisnes dalam keusahawanan tani. Kesimpulannya, kajian ini membuktikan bahawa sokongan keluarga, pengaruh rakan, dan sikap pelajar memainkan peranan penting dalam membentuk ciri-ciri keusahawanan pelajar agribisnes. Dalam jangka panjang, hasil kajian ini dapat menyumbang kepada pembangunan modal insan yang berdaya saing dalam sektor pertanian, sekali gus menggalakkan pertumbuhan usahawan tani yang inovatif dan mampan.

Kata kunci: Keusahawanan tani; pelajar agribisnes; faktor kecenderungan; ciri-ciri keusahawanan; Teori Tingkah Laku Terancang

Abstract: Agricultural entrepreneurship is one of the key strategies to enhance the competitiveness of the agricultural sector and ensure the sustainability of the nation's food resources. However, the declining participation of the younger generation in this sector poses a major challenge to agribusiness development. Therefore, this study aims to identify the factors influencing agribusiness students' inclination to engage in agricultural entrepreneurship. The Theory of Planned Behavior serves as the conceptual foundation for examining three main factors influencing students' tendencies: family, peers, and attitude toward entrepreneurial traits such as motivation, risk-taking, creativity, and innovation. This quantitative study

involves 92 students from Year 2, Year 3, and Year 4 of the Bachelor of Science in Agribusiness program at the Faculty of Agriculture, Universiti Putra Malaysia (UPM). The findings indicate that family, peers, and attitude have a significant impact on students' entrepreneurial inclination. Entrepreneurial traits such as motivation, risk-taking, creativity, and innovation among agribusiness students are also found to be at a high level. The study further identifies a significant relationship between these factors and entrepreneurial traits among agribusiness students. The study's implications suggest an integrated approach to enhancing support and exposure for agribusiness students in agricultural entrepreneurship. In conclusion, this study demonstrates that family support, peer influence, and student attitudes play a crucial role in shaping the entrepreneurial traits of agribusiness students. In the long run, these findings contribute to the development of a competitive workforce in the agricultural sector, ultimately fostering the growth of innovative and sustainable agricultural entrepreneurs.

Keywords: agriprenurship; agribusiness students; tendency factors; entrepreneurial traits; Theory of Planned Behavior

Pengenalan

Pada tahun 2020, sektor pertanian telah muncul sebagai sektor kedua terpenting kepada ekonomi Malaysia (Chamhuri et al., 2021). Perniagaan tani merupakan rantai lengkap dalam pertanian, bermula daripada bahan mentah dan sumber yang diperlukan untuk mencipta produk kepada pengedar dan peruncit yang mendapat produk kepada pengguna akhir (Shanmugam & Deshmukh, 2023). Meskipun sektor ini penting untuk ekonomi negara, namun menurut statistik daripada Jabatan Perangkaan Malaysia (2023), bilangan mereka yang terlibat dalam bidang pertanian termasuklah agribisnes telah berkurang sebanyak 10.4% pada 2021 berbanding pada 2020. Terdapat pandangan dalam kalangan masyarakat yang mengatakan bidang keusahawanan tidak menguntungkan berbanding pekerjaan yang menerima gaji setiap bulan (Yusoh et al., 2020). Hal ini disokong dengan statistik laporan kajian oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (2022) yang menyatakan pengesahan graduan 2022 menunjukkan bidang pertanian hanya menghasilkan 1.5% daripada keseluruhan graduan pada tahun tersebut.

Kajian terdahulu menunjukkan bahawa faktor persekitaran sosial, termasuk pengaruh keluarga dan rakan sebaya, memainkan peranan dalam membentuk kecenderungan keusahawanan pelajar agribisnes (Alabi et al., 2022; Novanda et al., 2020). Namun, kajian mengenai bagaimana faktor ini secara kolektif mempengaruhi ciri-ciri keusahawanan seperti motivasi, keberanian mengambil risiko, serta kreativiti dan inovasi dalam kalangan pelajar agribisnes masih terhad. Selain itu, masih kurang penyelidikan yang menilai hubungan antara faktor keluarga, rakan, dan sikap terhadap minat pelajar untuk menjadi usahawan tani. Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk menilai faktor keluarga, rakan, dan sikap dalam membentuk ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar agribisnes. Seterusnya mengenal pasti tahap ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar agribisnes untuk menceburi bidang usahawan tani dari aspek motivasi, berani mengambil risiko serta kreatif dan inovatif. Terakhir, mengenal pasti hubungan antara faktor-faktor dan ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar agribisnes untuk menceburi bidang usahawan tani.

Pendedahan terhadap bidang keusahawanan perlulah diberikan pada peringkat awal terutamanya kepada pelajar. Usahawan muda dapat membuka lebih banyak peluang pekerjaan. Di samping itu, usahawan muda lebih mampu untuk bertindak balas terhadap perubahan pasaran kerana mereka lebih peka kepada peluang ekonomi baharu. Pendedahan pada peringkat awal sangat membantu mereka untuk meningkatkan pembangunan kemahiran insaniah seperti komunikasi (Lai et al., 2021). Oleh itu, memperkenalkan keusahawanan kepada pelajar pada peringkat awal adalah langkah penting untuk mempersiapkan generasi muda dengan kemahiran dan pengetahuan yang diperlukan untuk berjaya dalam dunia perniagaan yang dinamik.

Sorotan Literatur

1. Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kecenderungan Pelajar Agribisnes

Keusahawanan tani semakin mendapat perhatian global sebagai salah satu strategi utama dalam pembangunan ekonomi luar bandar dan kelestarian sektor pertanian (Shanmugam & Deshmukh, 2023). Di peringkat antarabangsa, negara maju seperti Amerika Syarikat dan Belanda telah mengadaptasi teknologi digital serta model perniagaan moden untuk menarik minat belia dalam bidang ini (Awwad & Al-Aseer, 2021; Behera, 2023). Walau bagaimanapun, kajian menunjukkan bahawa di negara membangun seperti Nigeria dan India, penyertaan belia dalam keusahawanan tani masih bergantung kepada faktor tradisional seperti latar belakang keluarga dan akses kepada tanah (Mukaila et al., 2023; Soam et al., 2023). Terdapat percanggahan dalam kalangan pengkaji dimana kajian yang dilakukan oleh Rai et al. (2022) menyatakan bahawa keluarga tidak menggalakkan anak mereka untuk menceburi bidang pertanian

Di Malaysia, trend keusahawanan tani masih menghadapi cabaran besar kerana persepsi terhadap sektor ini sebagai pekerjaan berisiko tinggi dan kurang menarik dari segi ekonomi (Chamhuri et al., 2021). Walaupun inisiatif kerajaan seperti Agropreneur Muda telah diperkenalkan untuk menarik belia ke dalam sektor pertanian, penyertaan pelajar agribisnes masih rendah berbanding dengan negara maju yang telah membangunkan ekosistem keusahawanan tani yang lebih stabil dan berorientasikan teknologi (Jabatan Perangkaan Malaysia, 2023).

Kajian yang dilakukan oleh Yusof dan Tahir (2021) berkaitan Faktor Kejayaan Usahawan Muda dalam Perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS) di Malaysia menunjukkan bahawa faktor 'Sikap/Minat/Kesedaran diri sendiri bagi seseorang usahawan itu merupakan faktor paling utama yang mendorong kejayaan seseorang usahawan muda dalam menjalankan perniagaan Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Sikap usahawan yang berdisiplin tinggi dalam mengendalikan perniagaan, berani dan sanggup menghadapi risiko, berfikiran kreatif dan inovatif, sentiasa mendalami ilmu perniagaan sangat menyumbang terhadap kejayaan usahawan muda IKS di Malaysia bagi mengembangkan lagi perniagaan ke arah peringkat global dan akhirnya menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara (Baharodin & Abdullah, 2025). Seterusnya, terdapat beberapa kajian yang menunjukkan keluarga terdekat dan rakan sekeliling mempunyai hubungan yang signifikan dengan gaya hidup belia. Perinteraksian yang baik dengan ibu bapa meningkatkan tahap estim belia (Yesodharan et al., 2020), selain memberi kesan kepada keyakinan diri, dan mempengaruhi moral belia (Gamon et al., 2020)

Oleh itu, memahami faktor yang mendorong kecenderungan pelajar agribisnes terhadap keusahawanan tani adalah penting dalam membentuk strategi yang lebih berkesan bagi pembangunan modal insan dalam sektor ini. Salah satu faktor utama yang mempengaruhi kecenderungan pelajar agribisnes untuk menjadi usahawan tani ialah faktor keluarga. Kajian menunjukkan bahawa ibu bapa dan ahli keluarga yang terlibat dalam sektor pertanian berperanan dalam membentuk persepsi dan minat pelajar terhadap bidang ini (Alabi et al., 2022). Penglibatan keluarga dalam aktiviti pertanian secara langsung meningkatkan kecenderungan pelajar untuk meneruskan legasi tersebut. Selain itu, pemilikan tanah keluarga juga didapati meningkatkan kebarangkalian seseorang pelajar untuk terlibat dalam bidang keusahawanan tani, di mana kajian oleh Mukaila et al. (2023) mendapati bahawa ketersediaan tanah keluarga meningkatkan kemungkinan graduan pertanian terlibat dalam perniagaan tani sebanyak 26%. Tambahan pula, harapan keluarga dan pengaruh ibu bapa turut mempengaruhi niat keusahawanan pelajar (Novanda et al., 2020).

Selain faktor keluarga, faktor rakan sebaya juga memberi kesan terhadap keputusan pelajar dalam memilih bidang keusahawanan tani. Kajian oleh Annah (2021) menunjukkan bahawa interaksi dalam kumpulan rakan sebaya berupaya mempengaruhi pemilihan program pertanian serta persepsi terhadap kerelevanan dan prospek masa depan kursus yang diambil. Walaupun pengaruh rakan tidak selalu menjadi faktor utama dalam keputusan pelajar, tekanan sosial dan dorongan daripada rakan sebaya boleh meningkatkan motivasi seseorang untuk melibatkan diri dalam bidang pertanian (Boye et al., 2024; Okiror, 2015). Faktor-faktor seperti persamaan umur, kebiasaan, dan perkembangan kognitif turut berperanan dalam membentuk kecenderungan pelajar terhadap bidang ini (Prasetyaningrum et al., 2022).

Selain itu, faktor sikap pelajar terhadap keusahawanan tani turut memainkan peranan penting dalam menentukan minat dan kecenderungan mereka untuk menceburi bidang ini. Kajian oleh Deshmukh et al. (2021) menunjukkan bahawa terdapat korelasi positif yang tinggi antara sikap pelajar dan persepsi mereka terhadap keusahawanan dalam perniagaan tani. Kajian Suprehatin dan Shidiq (2020) mendapati bahawa 53.9% pelajar pertanian mempunyai sikap yang tinggi terhadap keusahawanan tani, manakala tiada pelajar yang mempunyai sikap rendah. Walau bagaimanapun, perbezaan dalam sikap pelajar boleh dilihat mengikut faktor demografi dan lokasi. Contohnya, pelajar di India menunjukkan peningkatan dalam persepsi terhadap keusahawanan pertanian (Soam et al., 2023), manakala di Lesotho, sikap belia terhadap bidang ini cenderung negatif (Malunga et al., 2020). Daya tahan juga penting untuk menghadapi cabaran dalam bidang ini, menurut Sudin, Kamaruddin dan Ismail (2024) dalam kajian keupayaan usahawan agro belia daya tahan adalah untuk menyesuaikan diri, dan pulih daripada cabaran atau kesukaran yang dihadapi sepanjang menjalankan perusahaan agro. Keupayaan ini didorong oleh kemampuan usahawan agro untuk beradaptasi secara positif terhadap persekitarannya ketika berhadapan dengan cabaran yang secara tidak langsung akan mempengaruhi prestasi perniagaan mereka.

2. Ciri-Ciri Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Agribisnes

Dalam usaha untuk menjadi usahawan tani yang berjaya, pelajar agribisnes perlu memiliki beberapa ciri-ciri keusahawanan yang kukuh. Salah satu ciri penting ialah motivasi, yang merupakan dorongan dalaman seseorang untuk mencapai matlamat dalam bidang keusahawanan tani. Motivasi keusahawanan bergantung kepada pelbagai faktor seperti cita-cita, keperluan pencapaian, dan model teladan dalam keluarga (Asri et al., 2019; Gaya et al., 2019). Teori Penentuan Kendiri (Self-Determination Theory) menyatakan bahawa individu yang mempunyai autonomi, kecekapan, dan hubungan sosial yang kukuh lebih cenderung untuk terlibat dalam aktiviti keusahawanan (Egresitz, 2023). Oleh itu, motivasi memainkan peranan utama dalam menentukan sejauh mana seseorang individu bersedia untuk mengambil langkah dalam dunia keusahawanan tani.

Selain motivasi, keberanian mengambil risiko juga merupakan faktor penting yang menentukan kejayaan seorang usahawan tani. Keberanian dalam menghadapi risiko berkait rapat dengan kesanggupan seseorang untuk menghadapi cabaran dalam perniagaan, termasuk ketidakpastian harga pasaran dan keadaan cuaca yang berubah-ubah (Razuan et al., 2019; Suffarruddin et al., 2021). Walaupun risiko sering dianggap sebagai penghalang, kajian menunjukkan bahawa semakin besar risiko yang diambil, semakin tinggi potensi ganjaran yang boleh diperoleh dalam bidang pertanian (Aziz et al., 2011). Dalam konteks pelajar agribisnes, kesanggupan mereka untuk menghadapi risiko akan menentukan sejauh mana mereka dapat bertahan dalam industri ini.

Akhir sekali, kreativiti dan inovasi merupakan elemen penting dalam keusahawanan tani. Kreativiti merujuk kepada kebolehan untuk menghasilkan idea baharu, manakala inovasi berkait rapat dengan penerapan idea tersebut untuk meningkatkan keberkesanan dalam sektor pertanian (Buncha & Topimin, 2023). Kajian menunjukkan bahawa individu kreatif lebih cenderung berjaya dalam bidang keusahawanan kerana mereka mampu mengenal pasti peluang dan mencipta penyelesaian yang unik terhadap cabaran yang dihadapi (Osmani et al., 2022). Pendidikan keusahawanan yang berasaskan pendekatan kreatif telah terbukti meningkatkan tahap kreativiti dan inovasi dalam kalangan pelajar agribisnes (Handajani et al., 2022).

Walaupun banyak kajian bersetuju bahawa faktor keluarga, rakan sebaya, dan sikap memainkan peranan dalam membentuk kecenderungan keusahawanan, terdapat beberapa penemuan bercanggah dalam literatur. Sebagai contoh, kajian oleh Suprehatin dan Shidiq (2020) di Indonesia mendapati bahawa 53.9% pelajar pertanian mempunyai sikap yang tinggi terhadap keusahawanan tani, manakala di Lesotho, majoriti belia mempunyai sikap negatif terhadap bidang ini (Malunga et al., 2020). Penemuan ini menunjukkan bahawa faktor budaya dan persekitaran ekonomi mungkin mempengaruhi sikap pelajar dengan cara yang berbeza.

Selain itu, kajian oleh Prasetyaningrum et al. (2022) di Asia mendapati bahawa pengaruh rakan sebaya adalah lebih kuat dalam masyarakat yang mempunyai struktur sosial yang lebih kolektif. Namun, kajian oleh Okiror (2015) menunjukkan bahawa pengaruh rakan sebaya tidak selalu menjadi faktor utama, kerana individu juga dipengaruhi oleh jangkaan keluarga dan aspirasi peribadi. Ini menimbulkan persoalan mengenai sejauh

mana faktor sosial boleh mempengaruhi kecenderungan pelajar terhadap keusahawanan tani, terutamanya dalam konteks Malaysia.

Tambahan pula, walaupun kajian di Barat seperti oleh Osmani et al. (2022) menunjukkan bahawa kreativiti dan inovasi adalah elemen utama dalam kejayaan keusahawanan, kajian di Malaysia menunjukkan bahawa pelajar masih bergantung kepada sokongan institusi dan kerajaan untuk menerapkan inovasi dalam perniagaan tani mereka (Handajani et al., 2022). Ini menunjukkan keperluan untuk memperkukuhkan sistem sokongan dan pendidikan keusahawanan dalam kalangan pelajar agribisnis di Malaysia.

Metodologi

Kajian ini menggunakan reka bentuk tinjauan menggunakan pendekatan kuantitatif dan menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Pengkaji menggunakan reka bentuk tinjauan dalam pendekatan kuantitatif kerana borang soal selidik digunakan untuk mengenal pasti tahap faktor-faktor yang mempengaruhi ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar yang mengikuti kursus Bachelo Sains Perniagaantani di Fakulti Pertanian, UPM.

Jumlah populasi pelajar yang mengikuti kursus Bachelo Sains Perniagaantani di Fakulti Pertanian, UPM terdiri daripada 111 orang pelajar yang merangkumi pelajar Tahun 2, 3 dan 4. Prosedur pengumpulan data telah mendapat persetujuan dari penyelar program yang berkaitan. Pengkaji memilih untuk menggunakan kaedah persampelan penuh di dalam kajian ini. Menurut kajian yang telah dijalankan oleh Baruch dan Holtom (2008), kadar respons yang ideal bagi kajian adalah antara 60% hingga 70%. Berdasarkan konteks kajian ini, ia melibatkan 111 orang responden. Oleh itu, sekiranya kadar respons kajian ini mencecah antara 67-78 orang responden maka ia adalah sudah memadai. Taburan populasi pelajar Tahun 2, 3 dan 4 adalah seperti Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1. Populasi dan sampel kajian

Tahun pengajian	Populasi (N)	Sampel (S)
Pelajar Tahun 2	46	46
Pelajar Tahun 3	32	32
Pelajar Tahun 4	33	33
Jumlah	111	111

Instrumen utama kajian ini ialah soal selidik yang dibangunkan berdasarkan kajian terdahulu dan diadaptasi mengikut konteks kajian ini. Soal selidik ini terbahagi kepada beberapa bahagian utama, iaitu bahagian demografi responden, faktor-faktor yang mempengaruhi kecenderungan keusahawanan (keluarga, rakan, dan sikap), serta ciri-ciri keusahawanan (motivasi, keberanian mengambil risiko, dan kreativiti serta inovasi). Skala Likert lima mata digunakan untuk mengukur tahap persetujuan responden terhadap pernyataan yang diberikan, di mana 1 mewakili “sangat tidak setuju” dan 5 mewakili “sangat setuju”. Penggunaan skala ini membolehkan pengkaji memperoleh data yang lebih tepat dan memudahkan analisis kuantitatif.

Bagi memastikan kesahan dan kebolehpercayaan instrumen kajian, soal selidik telah melalui proses penilaian oleh pakar dalam bidang keusahawanan dan pendidikan pertanian. Proses ini bertujuan untuk menilai sejauh mana item-item dalam soal selidik mencerminkan konsep yang ingin diukur. Selain itu, kajian rintis telah dijalankan terhadap sekumpulan kecil pelajar bagi menilai kebolehpercayaan instrumen menggunakan pekali Alpha Cronbach. Nilai Alpha Cronbach yang melebihi 0.7 menunjukkan tahap kebolehpercayaan yang baik, yang memastikan bahawa soal selidik ini boleh digunakan dalam kajian sebenar.

Prosedur pengumpulan data dilaksanakan dengan mendapatkan kebenaran daripada pihak fakulti dan responden sebelum soal selidik diedarkan. Soal selidik diedarkan secara manual dan dalam talian bagi meningkatkan kadar respons daripada responden. Tempoh pengumpulan data berlangsung dalam beberapa minggu bagi memastikan semua responden dapat memberikan maklum balas secara menyeluruh. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan perisian statistik, di mana analisis deskriptif digunakan untuk mengenal pasti taburan demografi responden serta tahap kecenderungan dan ciri-ciri keusahawanan mereka. Selain itu, analisis korelasi Pearson digunakan bagi menentukan hubungan antara faktor-faktor yang dikaji dengan ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar agribisnis.

Hasil Kajian

Dapatan kajian menunjukkan bahawa jumlah pelajar lelaki adalah sebanyak 50 orang (54.0%), manakala jumlah pelajar perempuan adalah 42 orang (46.0%). Jumlah 92 orang responden ini adalah relevan dan disokong oleh Baruch dan Holtom (2008), yang menyatakan kadar respons yang ideal bagi kajian adalah antara 60% hingga 70%. Sebanyak 86 orang pelajar (93.5%) berada dalam kategori umur 18 hingga 24 tahun, menjadikan kumpulan ini sebagai majoriti dalam kalangan responden. Sementara itu, 5 orang pelajar (5.4%) berada dalam kategori umur 25 hingga 30 tahun. Bagi kategori umur 30 tahun ke atas, hanya terdapat seorang pelajar (1.1%) yang termasuk dalam kumpulan ini. Sebanyak 35 orang pelajar (38.0%) adalah dari Tahun 2, sementara 32 orang pelajar (34.8%) adalah dari Tahun 3. Selain itu, terdapat 25 orang pelajar (27.2%) dari Tahun 4. seramai 57 orang pelajar (62.0%) tidak mempunyai ahli keluarga yang menceburi bidang keusahawanan. Sebaliknya, seramai 35 orang pelajar (38.0%) mengakui bahawa terdapat ahli keluarga mereka yang terlibat dalam bidang keusahawanan.

Jadual 2 menunjukkan analisis deskriptif bagi faktor keluarga yang mempengaruhi kecenderungan pelajar agribisnis untuk menceburi bidang usahawan tani. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap sokongan keluarga terhadap keusahawanan tani dalam kalangan responden berada pada tahap tinggi, dengan purata skor min 3.72 dan sisihan piawai 0.64. Antara item yang mencatatkan skor min tertinggi ialah Item 8, iaitu “Ibu bapa saya bersikap positif apabila saya bercakap tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan keusahawanan tani” (skor min 4.13, SP=0.80), dan Item 11, iaitu “Ibu bapa dan keluarga saya memberikan sokongan moral yang tinggi jika saya ingin menjadi usahawan tani” (skor min 4.10, SP=0.85). Kedua-dua item ini berada pada tahap tinggi.

Jadual 2. Analisis deskriptif keluarga

Item	Pernyataan	Min	Sisihan piawai	Tahap
5	Ibu bapa saya memberikan pengetahuan yang mencukupi berkaitan dengan keusahawanan tani.	3.33	1.03	Sederhana
6	Ibu bapa saya menggalakkan saya dan adik-beradik untuk menjadi usahawan tani yang berjaya.	3.70	0.94	Tinggi
7	Latar belakang keluarga saya menyumbang kepada pengetahuan saya yang baik berkaitan dengan usaha perniagaan dalam bidang pertanian.	3.27	1.13	Sederhana
8	Ibu bapa saya bersikap positif apabila saya bercakap tentang perkara-perkara yang berkaitan dengan keusahawanan tani.	4.13	0.80	Tinggi
9	Ibu bapa dan saudara-mara terdekat saya memberikan sokongan yang kuat jika saya ingin menjadi usahawan tani.	3.82	1.04	Tinggi
10	Ibu bapa saya bersedia untuk memberikan sokongan kewangan jika saya ingin memulakan aktiviti keusahawanan tani.	3.70	0.99	Tinggi
11	Ibu bapa dan keluarga saya memberikan sokongan moral yang tinggi jika saya ingin menjadi usahawan tani.	4.10	0.85	Tinggi
Purata		3.72	0.64	Tinggi

Seterusnya, Jadual 3 menunjukkan analisis deskriptif bagi faktor rakan yang mempengaruhi kecenderungan pelajar agribisnis untuk menceburi bidang usahawan tani. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengaruh rakan terhadap keusahawanan tani dalam kalangan responden berada pada tahap tinggi, dengan purata skor min 3.86 dan sisihan piawai 0.69.

Jadual 3. Analisis deskriptif rakan

Item	Pernyataan	Min	Sisihan piawai	Tahap
12	Saya sangat bersemangat apabila rakan mengajak saya untuk berlatih keusahawanan tani.	3.95	0.89	Tinggi
13	Saya kerap bergaul dengan rakan-rakan yang mempunyai aktiviti perniagaan dalam bidang pertanian.	3.79	0.88	Tinggi
14	Saya sering berbincang dengan rakan-rakan tentang peluang keusahawanan tani yang boleh diterokai semasa masih belajar.	3.82	0.90	Tinggi

15	Saya dan rakan-rakan kerap berbincang tentang kejayaan orang lain dalam bidang keusahawanan tani.	3.83	0.96	Tinggi
16	Saya sangat gembira apabila rakan mengajak saya melawat usahawan tani yang berjaya.	4.17	0.75	Tinggi
17	Saya sering berbincang tentang isu-isu keusahawanan tani dengan rakan-rakan.	3.64	0.91	Sederhana
18	Saya kerap berbincang dengan rakan-rakan tentang idea perniagaan tani yang berpotensi untuk dijalankan sambil meneruskan pengajian.	3.83	0.98	Tinggi
Purata		3.86	0.69	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan analisis deskriptif bagi sikap pelajar terhadap keusahawanan tani. Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap bidang ini berada pada tahap tinggi, dengan purata skor min 3.92 dan sisihan piawai 0.64.

Jadual 4. Analisis deskriptif sikap

Item	Pernyataan	Min	Sisihan piawai	Tahap
19	Saya sentiasa mencari peluang perniagaan baharu dalam bidang keusahawanan tani.	3.84	0.91	Tinggi
20	Saya meluangkan banyak masa untuk memahami bagaimana perniagaan tani boleh berfungsi dengan lebih baik.	3.83	0.81	Tinggi
21	Saya selalu bertanggungjawab dalam projek keusahawanan tani yang saya sertai.	3.97	0.92	Tinggi
22	Saya sering mencari bimbingan daripada pensyarah untuk memahami cabaran terkini dalam keusahawanan tani.	3.64	1.03	Sederhana
23	Saya sanggup mengorbankan keselesaan peribadi untuk mempelajari lebih lanjut tentang peluang keusahawanan dalam bidang pertanian.	3.76	0.95	Tinggi
24	Saya melakukan setiap tugas berkaitan keusahawanan tani dengan teliti dan sebaiknya.	4.00	0.78	Tinggi
25	Walaupun saya berusaha untuk memahami aktiviti keusahawanan tani, saya sedar masih banyak yang perlu dipelajari untuk mencapai kejayaan.	4.39	0.69	Tinggi
Purata		3.92	0.64	Tinggi

Jadual 5 berikut menunjukkan analisis deskriptif bagi tahap motivasi dalam kalangan pelajar agribisnis untuk menceburi bidang usahawan tani. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap motivasi responden berada pada tahap tinggi, dengan purata skor min 4.16 dan sisihan piawai 0.61.

Jadual 5. Analisis deskriptif motivasi

Item	Pernyataan	Min	Sisihan piawai	Tahap
26	Perbincangan dengan rakan-rakan tentang peluang dalam keusahawanan tani menggalakkan kecenderungan saya terhadap bidang ini.	4.03	0.94	Tinggi
27	Kejayaan rakan sebaya dalam keusahawanan tani mendorong saya untuk mempertimbangkan kerjaya serupa.	4.03	0.81	Tinggi
28	Saya mempunyai cita-cita untuk membuka perniagaan tani sendiri selepas tamat pengajian.	4.13	0.87	Tinggi
29	Saya berazam untuk menjadi seorang usahawan tani yang berjaya dalam industri pertanian.	4.23	0.76	Tinggi
30	Saya akan berusaha sebaik mungkin untuk mencapai matlamat saya menjadi seorang usahawan tani yang berjaya.	4.23	0.80	Tinggi
31	Kejayaan usahawan tani lain memberi saya inspirasi untuk meneroka bidang ini.	4.21	0.78	Tinggi

32	Saya bersemangat untuk mengaplikasikan pengetahuan keusahawanan tani yang dipelajari dalam situasi sebenar.	4.25	0.83	Tinggi
Purata		4.16	0.61	Tinggi

Seterusnya, Jadual 6 berikut menunjukkan analisis deskriptif bagi tahap keberanian mengambil risiko dalam kalangan pelajar agribisnis untuk menceburi bidang usahawan tani. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap keberanian mengambil risiko berada pada tahap tinggi, dengan purata skor min 4.07 dan sisihan piawai 0.63.

Jadual 6. Analisis deskriptif berani mengambil risiko

Item	Pernyataan	Min	Sisihan piawai	Tahap
33	Saya cenderung untuk mencuba pendekatan yang lebih mencabar dalam projek keusahawanan tani apabila bekerjasama dengan rakan-rakan sekelas.	3.96	0.80	Tinggi
34	Saya berani menyuarakan idea-idea inovatif tentang keusahawanan tani dalam perbincangan kelas.	3.93	0.80	Tinggi
35	Saya akan menerapkan kaedah pertanian terkini dalam usaha keusahawanan tani yang akan saya jalankan.	4.16	0.80	Tinggi
36	Saya percaya bahawa keputusan yang berani namun terancang dapat menentukan kejayaan saya dalam keusahawanan tani.	4.13	0.83	Tinggi
37	Saya seorang yang berani mencari peluang baharu dalam industri pertanian moden.	4.12	0.86	Tinggi
38	Saya bersedia menghadapi kemungkinan kegagalan dalam bidang usahawan tani sebagai sebahagian daripada proses pembelajaran.	4.10	0.88	Tinggi
39	Saya suka meneroka idea-idea keusahawanan tani yang inovatif walaupun belum tentu berkesan.	4.10	0.79	Tinggi
Purata		4.07	0.63	Tinggi

Jadual 7 berikut pula menunjukkan analisis deskriptif bagi tahap kreatif dan inovatif dalam kalangan pelajar agribisnis untuk menceburi bidang usahawan tani. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap kreatif dan inovatif responden berada pada tahap tinggi, dengan purata skor min 4.00 dan sisihan piawai 0.64.

Jadual 7. Analisis deskriptif kreatif dan inovatif

Item	Pernyataan	Min	Sisihan piawai	Tahap
40	Saya sering berbincang dengan rakan-rakan tentang pendekatan baharu dalam keusahawanan tani.	3.86	0.87	Tinggi
41	Kolaborasi dengan rakan-rakan dalam kelas merangsang pemikiran berdaya tahan tinggi saya.	4.01	0.67	Tinggi
42	Saya mengikuti perkembangan teknologi terkini dalam bidang pertanian dan keusahawanan tani.	3.96	0.86	Tinggi
43	Saya berminat untuk mengaplikasikan pengetahuan dari bidang lain ke dalam keusahawanan tani.	4.15	0.78	Tinggi
44	Saya sering memikirkan cara-cara baharu untuk memasarkan produk pertanian.	3.99	0.88	Tinggi
45	Saya sentiasa cuba menyelesaikan masalah dalam tugas atau simulasi projek agribisnis di kelas melalui idea-idea baharu.	3.89	0.96	Tinggi
46	Saya berusaha memikirkan kaedah baharu untuk meningkatkan produktiviti dalam keusahawanan tani.	4.16	0.87	Tinggi
Purata		4.00	0.64	Tinggi

Berdasarkan Jadual 8, aspek faktor, yang merupakan purata bagi faktor keluarga, rakan, dan sikap, mencatatkan nilai min sebanyak 3.83 (SP=0.53). Sementara itu, aspek ciri-ciri keusahawanan, yang terdiri

daripada purata bagi motivasi, keberanian untuk mengambil risiko, serta kreatif dan inovatif, mencatatkan nilai min sebanyak 4.08 (SP=0.57). Kesimpulannya, tahap aspek faktor dan ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar agribisnes untuk menceburi bidang usahawan tani adalah tinggi.

Jadual 8. Analisis deskriptif bagi faktor dan ciri-ciri keusahawanan

Aspek	Min	Sisihan Piawai	Tahap
Faktor	3.83	0.53	Tinggi
Ciri-ciri Keusahawanan	4.08	0.57	Tinggi

Berdasarkan hasil analisis korelasi Pearson dalam Jadual 9, dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dan tinggi antara faktor-faktor dan ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar agribisnes, dengan nilai korelasi $r(92) = 0.77$, $p < 0.01$. Korelasi ini adalah positif, yang menunjukkan bahawa pelajar yang memiliki tahap faktor yang tinggi (seperti sokongan keluarga, rakan, dan sikap) cenderung untuk menunjukkan ciri-ciri keusahawanan yang lebih kukuh (seperti motivasi, keberanian mengambil risiko, serta kreativiti dan inovasi).

Jadual 9. Analisis Korelasi Pearson

		Faktor	Ciri-Ciri Keusahawanan
Faktor	Korelasi Pearson	1	0.77**
	Signifikan (p)		0.00
Ciri-ciri keusahawanan	Korelasi Pearson	0.77**	1
	Signifikan (p)	0.00	

Perbincangan

Perbincangan akan memberi tumpuan kepada faktor-faktor yang mempengaruhi ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar agribisnes untuk menceburi bidang usahawan tani dari aspek keluarga, rakan, dan sikap. Selain itu, perbincangan akan mengkaji tahap ciri-ciri keusahawanan seperti motivasi, keberanian mengambil risiko, serta kreativiti dan inovasi. Hubungan antara faktor-faktor dan ciri-ciri keusahawanan juga akan dibincangkan.

1. Demografi Responden Kajian

Dapatan kajian dalam Jadual 10 menunjukkan komposisi jantina responden adalah seimbang antara pelajar lelaki dan perempuan. Majoriti responden berusia 18 hingga 24 tahun, selaras dengan kajian yang menunjukkan bahawa individu dalam lingkungan umur ini lebih terbuka kepada idea keusahawanan dan inovasi. Responden terdiri daripada pelajar Tahun 2, Tahun 3, dan Tahun 4 dengan peratusan yang hampir seimbang, memberikan gambaran mengenai penyertaan pelajar dari pelbagai tahap pengajian.

Jadual 10. Profil demografi responden

Faktor	Dapatan Kajian
Jantina	Seimbang antara lelaki dan Perempuan
Umur	18-24 Tahun
Tahun Pengajian	Tahun 2, 3, dan 4
Latar Belakang Keluarga	Majoriti tiada ahli keluarga dalam keusahawanan

2. Faktor-Faktor yang Mempengaruhi Kecenderungan Pelajar Agribisnes untuk Menceburi Bidang Usahawan Tani

Sokongan Keluarga

Kajian mendapati bahawa tahap sokongan keluarga terhadap keusahawanan tani adalah tinggi. Ini mencerminkan kepentingan sokongan moral dalam meningkatkan keyakinan dan minat pelajar terhadap bidang ini (Harahap et al., 2023). Namun, terdapat keperluan untuk meningkatkan pengetahuan praktikal yang diberikan oleh keluarga agar pelajar mendapat persediaan yang lebih kukuh.

Pengaruh Rakan Sebaya

Tahap pengaruh rakan dalam keusahawanan tani juga berada pada tahap tinggi. Rakan sebaya memainkan peranan penting dalam membentuk sikap dan minat pelajar terhadap bidang ini (Xu et al., 2021). Penglibatan dalam kumpulan rakan yang berminat dalam keusahawanan membantu meningkatkan motivasi dan keyakinan pelajar untuk meneroka peluang perniagaan.

Sikap Pelajar

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sikap pelajar terhadap keusahawanan tani adalah positif. Sikap positif ini merupakan pemangkin utama kepada minat dan motivasi mereka untuk menceburi bidang ini (Ling et al., 2022). Namun, terdapat keperluan untuk meningkatkan interaksi pelajar dengan pensyarah dan usahawan bagi mendapatkan bimbingan yang lebih mendalam.

Tahap Ciri Keusahawanan

Kajian menunjukkan bahawa tahap motivasi, keberanian mengambil risiko, serta kreativiti dan inovasi dalam kalangan pelajar agribisnis berada pada tahap tinggi seperti dalam Jadual 11. Motivasi pelajar yang tinggi mencerminkan keinginan yang kuat untuk terlibat dalam keusahawanan tani (Razali & Azman, 2021). Keberanian mengambil risiko juga tinggi, menunjukkan kesediaan pelajar dalam menghadapi cabaran dan mencuba pendekatan baru (Talha, 2024). Selain itu, tahap kreativiti dan inovasi yang tinggi menunjukkan minat pelajar dalam mencari kaedah baharu bagi meningkatkan produktiviti (Wong et al., 2020).

Jadual 11. Tahap ciri keusahawanan

Ciri Keusahawanan	Tahap
Motivasi	Tinggi
Keberanian mengambil risiko	Tinggi
Kreatif dan inovatif	Tinggi

3. Hubungan antara Faktor-Faktor dan Ciri-Ciri Keusahawanan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor-faktor (seperti sokongan keluarga, rakan, dan sikap) dan ciri-ciri keusahawanan (termasuk motivasi, keberanian mengambil risiko, serta kreativiti dan inovasi) dalam kalangan pelajar agribisnis di mana kedua-dua aspek ini menunjukkan tahap yang tinggi. Faktor rakan mempunyai pengaruh yang lebih tinggi berbanding faktor keluarga dalam kecenderungan pelajar untuk menjadi usahawan tani ($\text{Min}=3.86$, $\text{SP}=0.69$ berbanding $\text{Min}=3.72$, $\text{SP}=0.64$). Ini menunjukkan bahawa interaksi sosial dalam kalangan rakan sebaya lebih berkesan dalam membentuk minat keusahawanan pelajar berbanding pengaruh keluarga. Pelajar yang sering berinteraksi dengan rakan-rakan yang berminat dalam keusahawanan tani lebih cenderung untuk mempunyai aspirasi keusahawanan yang serupa (Annah, 2021; Xu et al., 2021). Tambahan pula, ramai pelajar tidak berasal daripada keluarga yang terlibat dalam perniagaan tani, menyebabkan mereka lebih dipengaruhi oleh rakan-rakan yang berkongsi pengalaman atau pendedahan dalam bidang ini (Mukaila et al., 2023). Trend ini juga diperhatikan dalam kajian antarabangsa. Contohnya, kajian di Afrika menunjukkan bahawa pengaruh rakan lebih dominan dalam keputusan belia untuk menceburi bidang pertanian berbanding pengaruh keluarga (Boye et al., 2024). Kajian di Indonesia turut mendapati bahawa faktor rakan lebih mempengaruhi kecenderungan keusahawanan berbanding faktor keluarga, terutamanya dalam komuniti bandar di mana ibu bapa kurang terlibat dalam sektor pertanian (Prasetyaningrum et al., 2022).

Analisis korelasi Pearson mengesahkan bahawa terdapat hubungan positif yang kuat antara kedua-dua pembolehubah tersebut iaitu rakan dan keluarga (Hou et al., 2019; Behera, 2023). Hubungan positif ini menyokong kajian oleh Abdullah et al. (2021), yang menunjukkan bahawa faktor persekitaran sosial memainkan peranan penting dalam membentuk ciri-ciri keusahawanan. Oleh itu, sokongan sosial yang kukuh dari keluarga, rakan, dan persekitaran perlu terus diperkukuh bagi merangsang perkembangan ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar agribisnis, sekali gus meningkatkan potensi mereka dalam bidang keusahawanan tani.

Hubungan yang signifikan ini mencerminkan bahawa pelajar yang mendapat sokongan yang baik dari keluarga dan rakan cenderung untuk menunjukkan ciri-ciri keusahawanan yang lebih kukuh. Menurut kajian oleh Behera (2023), sokongan keluarga dan rakan adalah faktor penting yang mempengaruhi tingkah laku keusahawanan, di mana sokongan sosial dapat meningkatkan keyakinan diri dan keberanian pelajar untuk mengambil risiko dalam usaha keusahawanan mereka. Ini sejalan dengan penemuan oleh Zhao et al. (2022) yang menyatakan bahawa persekitaran sosial yang positif dapat meningkatkan keupayaan individu untuk berinovasi dan berusaha dalam bidang keusahawanan. Oleh itu, membina persekitaran sosial yang positif dan menyokong adalah penting untuk memperkukuh keyakinan serta keberanian pelajar dalam meneroka dan mengembangkan potensi mereka dalam keusahawanan tani.

Secara keseluruhan, hubungan yang signifikan dan positif antara faktor-faktor dan ciri-ciri keusahawanan menunjukkan bahawa sokongan persekitaran adalah kunci dalam membentuk keusahawanan yang berjaya. Ini menekankan perlunya pendekatan holistik dalam pendidikan keusahawanan yang melibatkan bukan sahaja pengajaran teori tetapi juga penggalakan interaksi sosial dan sokongan dari rakan sebaya dan keluarga.

Kesimpulan

Kajian ini berjaya mencapai objektif yang ditetapkan dan menjawab persoalan kajian dengan baik. Hasil kajian menunjukkan bahawa faktor-faktor seperti sokongan keluarga, pengaruh rakan, dan sikap pelajar memainkan peranan penting dalam mempengaruhi kecenderungan mereka untuk menceburi bidang usahawan tani. Tahap ciri-ciri keusahawanan seperti motivasi, keberanian mengambil risiko, serta kreativiti dan inovasi juga berada pada tahap yang tinggi dalam kalangan pelajar agribisnes. Hubungan positif yang signifikan antara faktor-faktor ini dan ciri-ciri keusahawanan membuktikan bahawa sokongan persekitaran sosial adalah penting dalam membentuk keusahawanan yang berjaya. Kajian ini menunjukkan bahawa pelajar yang mendapat sokongan kuat dari keluarga dan rakan lebih cenderung untuk menunjukkan ciri-ciri keusahawanan yang kukuh. Oleh itu, bagi memperkukuh ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar agribisnes untuk menceburi bidang usahawan tani, disarankan agar pihak kerajaan terutama Kementerian Pendidikan Malaysia boleh meningkatkan sokongan keluarga melalui kempen kesedaran.

Disamping itu, bagi menggalakkan peranan rakan sebaya dalam aktiviti keusahawanan, pihak institusi pengajian boleh mempergiat peranan kelab usahawan tani di institusi. Peningkatan kerjasama antara institusi pendidikan, sektor swasta, dan badan bukan kerajaan juga disarankan untuk menyediakan ekosistem sokongan yang lebih holistik bagi pelajar. Memandangkan kajian ini dilakukan terhadap pelajar di peringkat Institut Pengajian Tinggi, maka hasil kajian ini tidak menyeluruh dan hanya sesuai untuk pelajar di peringkat pengajian tinggi yang menjalankan pengajian mereka di Malaysia. Secara keseluruhan, kajian ini telah memenuhi tujuan utamanya untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi ciri-ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar agribisnes untuk menceburi bidang usahawan tani, dan memberi pandangan yang berguna untuk pengembangan pendidikan keusahawanan yang lebih baik. Pengukuhan ciri keusahawanan dalam kalangan pelajar dapat memberikan kesan positif terhadap ekonomi negara dalam jangka masa panjang terutamanya sumbangan terhadap enrolmen dalam bidang pertanian.

Penghargaan: Penghargaan diberikan kepada para pensyarah dan pelajar Bacelor Sains Perniagaantani, Fakulti Pertanian, Universiti Putra Malaysia, kerana memberikan kerjasama yang sangat baik dalam membantu menyiapkan kajian bagi tujuan keperluan Projek Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional (MBV) Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM).

Kenyataan Persetujuan Termaklum: Any research article describing a study involving humans should contain this statement: 'Informed consent was obtained from all subjects involved in the study. For studies not involving humans, please exclude this statement.'

Konflik Kepentingan: Pengkaji tidak mempunyai konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Ahmad, R. and Puzi, S. (2020). Resiliensi, religiositi dan depresi dalam kalangan mahasiswa muslim: satu tinjauan di universiti tempatan (resilience, religiosity and depression among muslim students. a survey at local university). *Jurnal Pembangunan Sosial*, 23. <https://doi.org/10.32890/jps2020.23.1>
- Alabi, D. L., Aribifo, D. L., & Famakinwa, M. (2022). Factors associated with sustainability of agripreneurship interest among graduate youth in Southwestern Nigeria. *Applied Studies in Agribusiness and Commerce*, 15(1–2). <https://doi.org/10.19041/apstract/2021/1-2/4>
- Anghel, G. and Anghel, M. (2022). Green entrepreneurship among students—social and behavioral motivation. *Sustainability*, 14(14), 8730. <https://doi.org/10.3390/su14148730>
- Annah, M. (2021). Global Influential Factors for Choice of Agriculture Related Courses among Students: A Review Paper, 11(2), 20–28. <https://doi.org/10.9790/7388-1102062028>
- Asri, N. M., Ahmad, M. S., & Ismail, M. D. (2019). *Kecenderungan Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Di Malaysia*.
- Auguste, D. (2022). Varieties of gendered capitalism: status beliefs and the gender gap in entrepreneurship. *Social Currents*, 9(4), 311–342. <https://doi.org/10.1177/23294965211053836>
- Awwad, M. and Al-Aseer, R. (2021). Big five personality traits impact on entrepreneurial intention: the mediating role of entrepreneurial alertness. *Asia Pacific Journal of Innovation and Entrepreneurship*, 15(1), 87–100. <https://doi.org/10.1108/apjie-09-2020-0136>
- Aziz, A., Latif, A. B., Moho, •, Jusoh, A., Osman, A. Y., & Hamidon, J. S. (2011). *Asas keusahawanan dan pengurusan perniagaan kecil dan sederhana*. Universiti Malaysia Kelantan.
- Baharodin, N. M., Abdul Mutalib, M. H., & Abdullah, A. (2025). Modal sosial dan pemerdayaan sosioekonomi belia luar bandar di Kuala Rompin, Pahang [Social capital and rural youth socioeconomic empowerment in Kuala Rompin, Pahang]. *E-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, 22(1), [395–406]. UKM Press. <http://dx.doi.org/10.17576/ebangi.2025.2201.32>
- Baruch, Y., & Holtom, B. C. (2008). Survey response rate levels and trends in organizational research. *Human Relations*, 61(8), 1139–1160. <https://doi.org/10.1177/0018726708094863>
- Behera, R. (2023). Entrepreneurial behaviour of the agriculture students-a review. *Journal of Advanced Zoology*, 44(3), 279–290. <https://doi.org/10.17762/jaz.v44i3.315>
- Bouichou, E., Abdoulaye, T., Allali, K., Bouayad, A., & Fadlaoui, A. (2021). Entrepreneurial intention among rural youth in moroccan agricultural cooperatives: the future of rural entrepreneurship. *Sustainability*, 13(16), 9247. <https://doi.org/10.3390/su13169247>
- Boye, M., Ghafoor, A., Wudil, A. H., Usman, M., Prus, P., Fehér, A., & Sass, R. (2024). Youth Engagement in Agribusiness: Perception, Constraints, and Skill Training Interventions in Africa: A Systematic Review. In *Sustainability (Switzerland)* (Vol. 16, Issue 3). *Multidisciplinary Digital Publishing Institute (MDPI)*. <https://doi.org/10.3390/su16031096>
- Buncha, M. R., & Topimin, S. (2023). *Konsep Kreativiti dalam Keusahawanan*.
- Chamhuri, N., Wahab, M. S., Mohd Sofi, N. A., Mahrus, H. T. S., Junaidi, S. N., Salim, N. N. I., Syafri, S., & Mohd, N. I. (2021). Keterlibatan Belia Dalam “Meremajakan” Sektor Pertanian di Malaysia. *Jurnal Personalita Pelajar*, 25(1), 39–49.
- Deshmukh, V., Hude, J. M., Balutkar, R., & Lenka, R. (2021). Structural equation modelling of student's intention towards entrepreneurship in agribusiness. *Indian Journal of Economics & Business*, 20, 79–92. <https://zenodo.org/record/4888566>
- Egresitz, J. C. (2023). *Think and Do: A Phenomenological Investigation into Student Motivation Toward Making and Doing*.
- Fleet, D. Van. (2016). What is Agribusiness? A Visual Description. In *AJAB ADMAA Amity Journal of Agribusiness*, 1(2).
- Fong, C., Yen, Y., & Ramasamy, S. (2023). Sustainable entrepreneurship in Malaysian companies. *Asian Economic and Financial Review*, 13(2), 98–107. <https://doi.org/10.55493/5002.v13i2.4708>

- Gaya, P., et al. (2019). Jurkami: Jurnal Pendidikan Ekonomi, 3(2). <http://jurnal.stkipppersada.ac.id/jurnal/index.php/JPE>
- Manajemen, J., & Tinggi, S. (2019). JURKAMI : Jurnal Pendidikan Ekonomi, 3(2). <http://jurnal.stkipppersada.ac.id/jurnal/index.php/JPE>
- Handajani, S., Miranti, M. G., Pangesthi, L. T., Astuti, N., & Ngelambong, A. (2022). Creative Entrepreneurship Based Learning Model Integrated with The Student Entrepreneurship Program (SEP) To Grow Creativity And Innovative Students. *Proceedings of the 2nd International Joint Conference on Hospitality and Tourism, IJCHT 2022, 6-7 October 2022, Singaraja, Bali, Indonesia*. <https://doi.org/10.4108/eai.6-10-2022.2325690>
- Harahap, M., Ausat, A., Sutrisno, S., Suherlan, S., & Azzaakiyyah, H. (2023). Analyse the role of family in entrepreneurship education: effective support and assistance. *Journal on Education*, 5(4), 14563-14570. <https://doi.org/10.31004/joe.v5i4.2510>
- Hou, F., Su, Y., Lu, M., & Qi, M. (2019). Model of the entrepreneurial intention of university students in the pearl river delta of china. *Frontiers in Psychology*, 10. <https://doi.org/10.3389/fpsyg.2019.00916>
- Lai, M., Mohd Azlan, N. N. N., Khas-Rin, A. A. A., & Parrow, B. (2021). *The Early Exposure of Business During Teenage Life and The Intention of Becoming an Entrepreneur* 8(1).
- Ling, L., Sahid, S., & Othman, N. (2022). Hubungan sikap dan tingkah laku keusahawanan terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), e001345. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v7i3.1345>
- Macías-Prada, J. (2023). The role of universities in latin american social entrepreneurship ecosystems: a gender perspective. *International Journal of Gender and Entrepreneurship*, 16(1), 47-68. <https://doi.org/10.1108/ijge-03-2023-0081>
- Malunga, M. J., Patrick, B. M., Thetsane, R. M., & Mokhehi, M. C. (2020). Demographic Factors Associated with Attitude of Youth Towards Agripreneurship. *International Journal of Business and Social Science*, 11(5). <https://doi.org/10.30845/ijbss.v11n5p6>
- Mukaila, R., Awoyelu, F. E. D., & Emeakayi, C. F. (2023). Driving Factors for Agricultural Graduates' Involvement in Agribusiness Enterprise in Nigeria. *Journal of Tekirdag Agricultural Faculty*, 21(2), 404–415. <https://doi.org/10.33462/jotaf.1275608>
- Novanda, R. R., Khaliqi, M., Jamil, A. S., & Bakhtiar, A. (2020). Factors affect agricultural entrepreneurial intention of agribusiness students. *IOP Conference Series: Earth and Environmental Science*, 454(1). <https://doi.org/10.1088/1755-1315/454/1/012038>
- Okiror, J. J. (2015). Factors influencing career choice among undergraduate Students in an African university context: The Case of Agriculture Students at. In *Journal of Dynamics in Agricultural Research* 1(2).
- Osmani, M., El-Haddadeh, R., Hindi, N. M., & Weerakkody, V. (2022). The influence of creativity on the entrepreneurial intention of university female graduates: An SEM approach. *Industry and Higher Education*, 36(5), 556–567. <https://doi.org/10.1177/09504222211061231>
- Prasetyaningrum, D., Ruminar, H., & Irwandi, P. (2022). The Perception and Interest of Career Choices in Agriculture: Case of Agroecotechnology and Agribusiness Students. *HABITAT*, 33(2), 186–200. <https://doi.org/10.21776/ub.habitat.2022.033.2.19>
- Rai, A., Sidhu, K., & Sharma, P. (2022). Factors Affecting Perception of Farm Families Towards Farming as an Occupation. *Bhartiya Krishi Anusandhan Patrika, Of*. <https://doi.org/10.18805/bkap583>
- Razali, S. and Azman, N. (2021). Pembelajaran dalam talian sepanjang pandemik covid-19: faktor akses internet dan sosioekonomi terhadap motivasi pelajar kolej komuniti. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(11), 1-14. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i11.1162>
- Razuan, Mohd. R., R. Z., M.S. S., & Awang, A. H. (2019). Kualiti keusahawanan dalam kalangan usahawan kecil dan sederhana. *Malaysian Journal of Society and Space*, 15(3). <https://doi.org/10.17576/geo-2019-1503-02>
- Rotnitsky, I. (2023). Gender differences in entrepreneurship studies. *The European Educational Researcher*, 31-52. <https://doi.org/10.31757/euer.712>

- Ruiz, L., Amorós, J., & Guerrero, M. (2022). Does gender matter for corporate entrepreneurship? a cross-countries study. *Small Business Economics*, 60(3), 929-946. <https://doi.org/10.1007/s11187-022-00617-6>
- Shanmugam, K., & Deshmukh, S. S. (2023). *Agri-business, A Journey from Farm to Market: Trends and Challenges*. <https://www.researchgate.net/publication/375799471>
- Soam, S. K., Rathore, S., Yashavanth, B. S., Dhumantara, T. R., Rakesh, S., & Balasani, R. (2023). Students' Perspectives on Entrepreneurship and Its Intention in India. *Sustainability (Switzerland)*, 15(13). <https://doi.org/10.3390/su151310488>
- Sudin, S. A., Kamaruddin, S. H., & Ismail, R. (2024). Daya tahan usahawan Program Agropreneur Muda Terengganu berdasarkan perspektif pegawai pelaksana [Entrepreneur resilience in the Young Agropreneur Program in Terengganu based on the perspective of implementation officers]. *E-Bangi: Journal of Social Science and Humanities*, 21(4), [419-435]. UKM Press. <https://doi.org/10.17576/ebangi.2024.2104.33>
- Suffarruddin, S. H., Jaafar, M., & Rahman, S. (2021). The capability of product innovation implementation in homestay program at Peninsular Malaysia. *Jurnal Pengurusan*, 61. <https://doi.org/10.17576/pengurusan-2021-61-09>
- Suprehatin, S., & Shidiq, M. R. (2020). Determinants of Agripreneurial Career Intentions: Evidence From Agriculture Students. *Jurnal Manajemen Dan Agribisnis*. <https://doi.org/10.17358/jma.17.2.128>
- Talha, A. (2024). Tahap kemahiran pemikiran kelestarian dalam kalangan pelajar institut pengajian tinggi awam. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (Mjssh)*, 9(2), e002694. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v9i2.2694>
- Xu, S., Xu, Z., Li, F., & Sukumar, A. (2021). Redefining peer learning: role of student entrepreneurs in teaching entrepreneurship in the uk higher education context. *Industry and Higher Education*, 35(4), 306-311. <https://doi.org/10.1177/09504222211012634>
- Zakaria, N. and Azman, N. (2021). Daya tahan dan motivasi pembelajaran alam talian semasa pandemik covid-19 pelajar kolej universiti islam melaka (kuim). *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 6(10), 41-53. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v6i10.1092>
- Zhao, L., Li, H., & Chen, L. (2022). Factors influencing chinese college students' innovation and entrepreneurship ability: the moderating effect test based on entrepreneurial atmosphere. *Sustainability*, 14(20), 13020. <https://doi.org/10.3390/su142013020>